

04/11/2003

PM beri gambaran wawasan lebih terperinci

Salina Abdullah; Ridzuan Yop; Jami'ah Shukri

KUALA LUMPUR: Ucapan pertama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam mempamerkan daya kepemimpinan serta wawasannya untuk menyambung perjuangan negara ke tahap yang lebih cemerlang.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata ucapannya memberi gambaran mengenai wawasannya dengan lebih terperinci dalam konteks menyambut perjuangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Abdullah juga memberi penekanan kepada beberapa bidang serta meminta supaya semua pihak memberi perhatian demi kepentingan negara.

"Saya yakin ucapan pertamanya di Dewan Rakyat, dia (Abdullah) sebagai Perdana Menteri akan memberi syarat yang jelas bahawa Yang Amat Berhormat

mempunyai komitmen untuk membawa negara ke tahap yang lebih cemerlang.

"Ini jelas menunjukkan Abdullah memang mempunyai daya kepemimpinan yang tinggi," katanya di Lobi Parlimen, di sini, semalam.

Beliau mengulas usul ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir serta menggariskan haluan kepemimpinannya, di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata

ucapan Perdana Menteri mengingatkan rakyat agar sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti untuk kejayaan negara.

"Langkah seperti yang disarankan Abdullah jelas akan dapat membawa Malaysia lebih berjaya begitu juga seperti yang digariskan oleh Dr Mahathir," katanya.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata ucapan Abdullah jelas menunjukkan sumbangan besar Dr Mahathir kepada pembangunan dan kemajuan Malaysia.

"Ucapan berkenaan juga menunjukkan harapan besar Perdana Menteri kepada rakyat serta kemahuan meneruskan dasar yang sudah dirintis oleh Dr Mahathir yang menjadi contoh kepada dunia," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, menyifatkan ucapan Abdullah amat terperinci mencakupi pelbagai bidang dan sekali gus menunjukkan matlamatnya untuk meneruskan strategi yang dilaksanakan Dr Mahathir.

"Berdasarkan ucapannya jelas menunjukkan Abdullah ingin meneruskan strategi dan pendekatan itu perlu diperkukuhkan untuk kepentingan agama dan negara.

"Apa yang penting semua pihak perlu yakin dengan Abdullah dan seharusnya tidak ada ruang kepada kita untuk menidakkan strategi dan dasar negara yang akan dilakukan pada masa depan akan berubah.

"Ucapannya juga jelas menunjukkan Abdullah ingin meningkatkan kecekapan sedia ada dalam suasana persekitaran yang baik," katanya.

Beliau berkata, dalam memperkatakan mengenai haluan kepemimpinannya, Abdullah tidak melupakan mengenai kedudukan dan peranan wanita yang

perlu diutamakan serta tidak terkecuali dari aspek membuat dasar dan keputusan.

Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata secara keseluruhannya ucapan Abdullah mempamerkan dengan jelas Malaysia mampu mencapai kejayaan cemerlang di bawah kepemimpinannya Dr Mahathir dan akan terus dikekalkan, pada masa depan.

Katanya, Abdullah juga berterima kasih kepada Dr Mahathir yang sudah mencorakkan negara ini dengan baik dan ini akan dijadikan panduan untuk mentadbir negara ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau yakin Abdullah mampu memimpin negara setanding dengan kehebatan Dr Mahathir kerana mempunyai pengalaman yang banyak dalam pelbagai bidang, khususnya politik.

"Tidak sepatutnya rakyat mengadili kemampuan Abdullah yang baru beberapa hari menerajui negara ini, sebaliknya beri sedikit masa untuknya membuktikan kemampuan," katanya.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata menerusi ucapannya jelas menunjukkan hasrat Abdullah meneruskan segala usaha yang dijalankan oleh Dr Mahathir berdasarkan kepada komitmennya yang begitu mendalam, nada suara serta doa yang diperkatakannya.

Beliau juga melihat Abdullah begitu yakin serta bersungguh-sungguh menentukan usaha itu dilaksanakan bagi mencemerlangkan negara termasuk dari segi pendidikan.

Timbalan Menteri Pendidikan yang juga bekas Setiausaha Politik kepada Dr Mahathir, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata ucapan Abdullah amat memberangsangkan dan menyerlahkan keyakinannya untuk meneruskan usaha Dr Mahathir membawa kemajuan kepada rakyat dan negara.

Beliau yakin Abdullah akan bersungguh-sungguh memajukan negara dan merapatkan jurang kemiskinan dengan memberi peluang sewajarnya kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Parlimen (BBC), Datuk Mohd Zin Mohamed, berkata BBC yakin Abdullah mampu menerajui negara dan meneruskan kecemerlangannya.

Sementara itu, Naib Presiden DAP, Dr Tan Seng Giaw, pula menyifatkan ucapan Abdullah amat baik serta mencerminkan daya kepemimpinannya sebagai pengganti Dr Mahathir.